

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA!



JUMLAH kes cacar monyet melebihi 80,000 kes di seluruh dunia.
— GAMBAR HIASAN

Sinonim cacar monyet, 'mpox' akan mula digunakan oleh WHO

PETALING JAYA — Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan pakar kesihatan awam global akan mula menggunakan nama 'mpox' sebagai sinonim untuk penyakit cacar monyet (*monkey pox*).

Perkata tersebut dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, menerusi ciapan di akaun Twitternya semalam.

"Setelah berbincang dengan pelbagai pihak, WHO dan pakar kesihatan awam global akan mula menggunakan nama 'mpox' sinonim untuk cacar monyet (*monkey pox*)."

"Kedua-dua nama itu akan saling digunakan untuk tempoh setahun sebelum kekal dengan 'mpox'" ciapnya.

Terdahulu, pada Julai lepas,

Bandar Raya New York meminta WHO menukar nama virus cacar monyet untuk mengelakkan stigma yang menyebabkan pesakit malu untuk mendapatkan rawatan.

Sehingga kini, jumlah kes cacar monyet yang dicatatkan di seluruh dunia telah melebihi 80,000 kes, menurut laman sesawang WHO.